

27/10/2003

Pembantu pejabat kumpul satu lori gambar, berita PM

GEORGETOWN: Kagum terhadap ketokohan dan kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang bekas pembantu pejabat, SM Latiff, 60, tekun mengumpul berita serta gambar Perdana Menteri yang disiarkan pelbagai akhbar sejak 1960-an lagi.

Sambil melahirkan rasa terharu kerana persaraan Dr Mahathir hujung bulan ini, Latiff berkata, ketiadaan Perdana Menteri satu kehilangan besar kepada Malaysia dan kepada negara dunia ketiga.

Katanya, sebagai seorang yang `genius' dan berpandangan jauh dalam perjuangannya membina kejayaan negara serta keamanan sejagat, ketokohan Dr Mahathir memang sukar ditandingi.

"Inilah yang dapat saya katakan mengenai Dr Mahathir. Tapi, ia bukanlah bermakna saya cuba menidakkan ketokohan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau.

"Abdullah juga mempunyai karisma sebagai pemimpin dan saya harap beliau akan meneruskan perjuangan Dr Mahathir untuk memajukan bangsa dan negara ke tahap yang lebih tinggi," katanya ketika ditemui di sini.

Bagaimanapun, Latiff berkata, jika boleh Dr Mahathir perlu kekal sebagai Perdana Menteri, sekurang-kurangnya bagi menyelesaikan isu yang kini mengeruhkan hubungan antara Malaysia dengan Singapura.

Latiff yang ditemui di rumahnya di Taman Cemerlang, Jalan Perak, di sini, semalam, berkata disebabkan terlalu kagum terhadap Dr Mahathir, semua jenis akhbar yang menyiarkan berita serta gambar Dr Mahathir dibelinya.

"Dalam tempoh lebih 40 tahun lalu, saya membelanjakan ribuan ringgit untuk membeli akhbar tempatan dalam hampir semua bahasa, termasuk akhbar luar negara yang menyiarkan berita dan gambar Dr Mahathir," katanya.

Beliau berkata, pada waktu lapang berita dan gambar Perdana Menteri itu digunting dan dimasukkan dalam lebih 200 fail yang dijadikan koleksi di rumahnya.

"Jika semua akhbar itu dikumpul, ia hampir boleh memenuhi sebuah lori seberat lima tan," katanya yang kini bergiat dalam perniagaan duit syiling lama dan barang antik lain.

Latiff yang pernah bertugas sebagai pembantu pejabat di sebuah jabatan kerajaan di sini dan terakhir sebagai pembantu pejabat di Koperasi Bumiputera Pulau Pinang berkata, ada sesetengah gambar Dr Mahathir dalam koleksinya menerima tawaran harga yang tinggi daripada pihak tertentu.

"Bagaimanapun, saya enggan menjualnya kerana berhasrat menjadikan koleksi keratan berita dan gambar Dr Mahathir, termasuk pemimpin dunia lain itu sebagai yang terbesar di negara ini," katanya.

Mempunyai tiga anak, dua lelaki dan seorang perempuan yang berusia

antara 28 hingga 35 tahun, Latiff berkata, anak lelaki keduanya, Mohd Sanusi juga menunjukkan minat sama dengan mengumpul keratan berita serta gambar Dr Mahathir dan pemimpin dunia lain.